

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)11

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

11. Apakah peranan dan perkara yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memperkukuh pembangunan infrastruktur, akademik serta kebajikan pelajar di sekolah-sekolah Tamil di negeri ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di Pulau Pinang pada asalnya ditubuhkan oleh pengusaha ladang (estate) semasa era penjajahan British. pengusaha ladang mengambil inisiatif menubuhkan sekolah-sekolah Tamil untuk anak-anak pekerja mereka. Tujuan asalnya adalah bagi menyediakan asas Pendidikan sahaja. Namun, apabila industri perladangan mula merosot dan banyak ladang ditinggalkan atau dijual kepada pihak lain, sekolah-sekolah Tamil yang berada di kawasan ladang turut terkesan. Ramai pengusaha ladang tidak lagi bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan atau penyaluran

dana kepada sekolah-sekolah tersebut. Akibatnya, banyak SJKT di Pulau Pinang terutamanya di kawasan luar bandar ketinggalan dari segi pembelajaran, infrastruktur dan kemudahan asas, seperti bangunan sekolah yang usang, kekurangan bilik darjah, makmal komputer, dan peralatan pembelajaran moden.

Bagi menangani kelemahan dan ketidakseimbangan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil di bawah pimpinan EXCO Perumahan dan Alam Sekitar, yang turut diberikan tanggungjawab memantau pembangunan sekolah Tamil di negeri ini. Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang menyalurkan peruntukan tahunan khas kepada semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) serta menjadi negeri pertama di negara ini yang melengkapkan setiap SJKT dengan kemudahan smartboard.

Sehingga kini, puluhan juta ringgit telah diagihkan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur, penyediaan makmal komputer, serta program peningkatan akademik dan kemahiran digital di

semua SJKT seluruh negeri. Inisiatif bersepadu ini bukan sahaja telah meningkatkan mutu pendidikan sekolah Tamil di Pulau Pinang, malah turut menjadi model pentadbiran pendidikan komuniti minoriti yang berjaya di peringkat nasional. Malah, beberapa negeri lain turut hadir ke Pulau Pinang untuk meninjau dan mempelajari sistem pelaksanaan yang diusahakan oleh Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil Negeri Pulau Pinang sebagai contoh amalan terbaik (best practice) dalam memperkasa pendidikan sekolah vernakular di Malaysia.

Antara komitmen utama jawatankuasa ini adalah untuk memastikan isu status pemilikan tanah SJKT dapat diselesaikan dan juga meningkatkan prestasi Pendidikan sekolah agar tidak ketinggalan. Selain itu, antara peranan dan tindakan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut :-

- (a) Penyelarasan Peruntukan dan Pembangunan Infrastruktur Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelaraskan serta menyalurkan peruntukan khas bagi pembangunan sekolah Tamil melalui geran dan tabung khas negeri. Pada tahun 2025, sebanyak RM2.3 juta telah diagihkan kepada 28 buah SJKT dan 14 buah tadika,

merangkumi projek penambahbaikan infrastruktur, latihan dan kursus, pembelian peralatan sekolah serta pelbagai keperluan pembelajaran lain.

- (b) Pemantauan dan Penambahbaikan Fasiliti Sekolah Pemantauan berterusan dilaksanakan terhadap keperluan asas sekolah termasuk naik taraf tandas, bumbung, bilik darjah, kelas tadika, serta penyediaan kemudahan smart board dan peralatan pengajaran digital bagi memperkukuh pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21).
- (c) Pembangunan Akademik dan Pemartabatan Bahasa Tamil Fokus turut diberikan kepada peningkatan pencapaian akademik dan usaha memartabatkan Bahasa Tamil melalui pengagihan buku latihan, penganjuran Persidangan Guru Bahasa Tamil, serta galakan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

- (d) Kebajikan dan Sokongan kepada Pelajar B40
Jawatankuasa ini turut menyalurkan bantuan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dalam bentuk buku, peralatan sekolah dan bahan pembelajaran. Usaha ini memastikan suasana pembelajaran yang kondusif, inklusif dan saksama untuk semua pelajar.

- (e) Pemerksaan Pendidikan Awal Kanak-kanak
Tamil Tumpuan khusus turut diberikan kepada penambahbaikan tadika dan pra-sekolah di bawah SJKT, termasuk penyediaan bilik khas dan fasiliti sokongan bagi memastikan peralihan murid Tamil ke sekolah rendah berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

- (f) Penganjuran Karnival Hari Sukan SJKT Pulau Pinang
2025 pada tahun 2025, buat julung kalinya, Jawatankuasa Khas SJKT telah berjaya menganjurkan Karnival Hari Sukan SJKT Pulau Pinang pada 12 April 2025. Program ini menghimpunkan penyertaan daripada semua 28 buah SJKT di seluruh negeri dengan penglibatan lebih daripada 1,000 murid, guru dan ibu bapa. Penganjuran karnival ini

bukan sahaja memupuk semangat kesukanan dan kerjasama antara sekolah, malah turut memperkukuh hubungan silaturahim dalam kalangan warga sekolah Tamil serta menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan sahsiah pelajar.

